

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan projek perumahan kepada masyarakat Orang Asli meliputi projek bina baru dan projek baik pulih di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai peruntukan setiap tahun mulai 2009 untuk pembinaan dan pembaikan rumah kediaman Orang Asli Semenanjung Malaysia, perincian peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN BINA BARU (RM)</b>	<b>PERUNTUKAN BAIK PULIH (RM)</b>
2009	63,630,627.00	534,250.00
2010	37,660,000.00	5,501,599.60
2011	23,120,000.00	3,233,900.00
2012	9,960,000.00	5,545,822.40
2013	4,440,000.00	5,728,000.00
2014	25,160,000.00	6,186,483.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>163,970,627.00</b>	<b>26,730,055.00</b>

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan keseluruhan yang telah dibelanjakan dari tahun 2009 hingga 2014 untuk melaksanakan projek di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) meliputi bina baru dan baik pulih adalah berjumlah

RM190,700,682.00. Projek ini telah memberi manfaat kepada 8,223 Ketua Isi Rumah (KIR).

Pihak Kementerian begitu komited untuk terus melaksanakan projek-projek di bawah program setiap tahun dan akan memberi keutamaan kepada golongan miskin dan miskin tegar yang layak dan masih belum menerima bantuan ini.

**NO. SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7562**

**SOALAN:**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kematian mengikut pecahan negeri dan pecahan etnik yang di klasifikasi sebagai kematian yang disebabkan oleh keganasan rumah tangga (*domestic violence*) dari tahun 2008 sehingga kini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM memandang serius terhadap jenayah keganasan rumahtangga. Ia bukan sekadar menyebabkan kecederaan fizikal tetapi turut mencalarkan maruah (*dignity*) dan menyebabkan truma yang berpanjangan kepada mangsa terutama kepada kanak-kanak yang terlalu muda dan mentah memandangkan mereka tidak mampu mempertahankan diri apabila didera atau dcederakan secara fizikal. Kebelakangan ini terdapat kes keganasan rumahtangga yang mendatangkan kecederaan fizikal berakhir dengan kematian.**

**Statistik penderaan kanak-kanak yang menyebabkan kematian mengikut negeri mulai tahun 2008 sehingga tahun 2014 seperti berikut:-**

KONTINJEN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
PERLIS	0	0	0	1	0	0	0	1
KEDAH	0	0	0	0	1	0	0	1
P/PINANG	0	1	2	0	1	0	0	4
PERAK	1	1	0	0	1	1	1	5
SELANGOR	0	0	8	0	1	4	8	21
K/LUMPUR	0	0	2	0	1	1	4	8
N/SEMBILAN	0	1	1	0	0	1	1	4
MELAKA	0	1	0	1	0	0	2	4
JOHOR	1	0	0	2	2	0	3	8
PAHANG	0	0	0	0	0	0	1	1
TERENGGANU	1	0	0	1	0	0	1	3
KELANTAN	0	0	2	0	0	1	0	3
SABAH	1	0	0	0	0	0	1	2
SARAWAK	1	1	0	0	0	0	0	2
<b>J U M L A H</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>15</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>8</b>	<b>22</b>	<b>67</b>

**Statistik penderaan kanak-kanak yang menyebabkan kematian mengikut pecahan mengikut bangsa mulai tahun 2008 sehingga tahun 2014 seperti berikut:-**

BANGSA	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
MELAYU	4	3	9	4	3	6	17	46
CINA	0	1	2	0	2	1	2	8
INDIA	0	0	3	1	2	1	0	7
INDONESIA	1	0	0	0	0	0	1	2
PAKISTAN	0	1	0	0	0	0	0	1
MYANMAR	0	0	0	0	0	0	1	1
THAILAND	0	0	0	0	0	0	0	0
FILIPINA	0	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	0	0	1	0	0	0	1	2
TIDAK DIKETAHUI	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>J U M L A H</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>15</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>8</b>	<b>22</b>	<b>67</b>

**Nota: Kes kematian orang dewasa tidak disiasat di bawah Akta Kanak-kanak tapi disiasat terus di bawah Kanun Keseksaan.**